

Soalan No:42

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]****TARIKH : 24.10.2017****SOALAN :**

**Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status penyelarasan pembinaan baru dan baik pulih sekolah-sekolah daif di Sabah, terutama di kawasan Parlimen Libaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak 30 projek pembangunan semula sekolah daif telah dirancang di negeri Sabah. Pada masa ini, 25 projek sedang dalam pelaksanaan, satu (1) projek dalam penyediaan Surat Setuju Terima (SST), satu (1) projek dalam proses penilaian tender dan tiga (3) projek lagi dalam proses penurunan kuasa daripada Kementerian Kerja Raya Malaysia. Kesemua projek pembangunan semula sekolah daif di Sabah dilaksanakan oleh JKR Sabah. Projek dijangka siap pada bulan Disember 2017 sehingga Februari 2018.

Bagi projek baik pulih sekolah di Sabah yang dilaksanakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri dengan menggunakan peruntukan KPM, sebanyak 51 sekolah yang terlibat telah selesai dilaksanakan termasuklah di SK Pulau Libaran, Libaran.

KPM juga memantau pelaksanaan kerja-kerja awalan dan *survey* projek di SK Kampung Pertanian, Libaran Sabah. Pembangunan semula sekolah ini secara *Industrialised Building System (IBS)* dijangka siap pada penghujung bulan Disember 2017.

RJM06